

Satu lagi kematian, 16 kes baru

Jumlah kematian akibat pandemik itu meningkat kepada 14 orang

SIH 07/08 MS 7

PUTRAJAYA - Satu lagi kematian akibat Influenza A (H1N1), membabitkan seorang pesara lelaki berusia 57 tahun yang meninggal dunia di Hospital Putrajaya semalam, menjadikan jumlah kematian akibat pandemik itu meningkat kepada 14 orang setakat pagi ini (semalam).

Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr Mohd Ismail Merican berkata, mangsa yang menghidap penyakit diabetes dan hipertensi itu dimasukkan ke Unit Rawatan Rapi (ICU) Hospital Putrajaya Selasa lalu kerana mengalami demam, batuk dan sesak nafas.

"Kes telah disahkan jangkitan H1N1 pada 5 Ogos. Beliau meninggal dunia pada 5 Ogos akibat Acute Pulmonary Oedema secondary to H1N1," katanya kepada pemberita di sini, semalam.

Menurutnya, orang ramai

yang hanya mengalami simptom influenza yang biasa dan tidak tergolong dalam kumpulan berisiko tinggi, tidak perlu panik dan tergesa-gesa menjalani ujian pengesahan H1N1 bagi memastikan mereka bebas daripada penyakit itu.

Menurutnya, kebanyakan kes H1N1 yang dihadapi oleh masyarakat di seluruh dunia akan mengalami simptom yang ringan dan 98 peratus daripadanya akan sembuh, biar pun tidak diberi ubat tertentu.

"Pesakit yang mempunyai simptom ringan diminta berehat dan Insya Allah dalam tiga atau empat hari akan sembuh. Selepas sembuh mereka akan dapat antibodi," katanya.

Beliau berkata, orang ramai perlu memantau tahap kesihatan sendiri dan sekiranya

gejala bertambah teruk seperti demam yang berterusan, sakit dada, sesak nafas, kahak berdarah atau berlainan warna, kevarasan terganggu dan tekanan darah tinggi, mereka perlu segera mendapatkan rawatan di hospital.

Dr Mohd Ismail berkata, ujian pengesahan H1N1 hanya akan dibuat untuk kes-kes yang dimasukkan ke wad dan mempunyai risiko tinggi sahaja.

Dr Mohd Ismail berkata, untuk kemudahan orang ramai, mulai hari ini semua hospital kerajaan dan klinik kesihatan yang mempunyai pegawai perubatan akan dibekalkan ubat antiviral iaitu tamiflu manakala hospital dan klinik swasta boleh membeli ubat tersebut daripada pembekal tempatan.

Beliau mengingatkan pe-

ngamal perubatan agar tidak memberikan ubat itu sewenang-wenangnya, sebaliknya perlu mengikut garis panduan yang ditetapkan.

Sehingga pagi ini (semalam), Dr Mohd Ismail berkata, sejumlah 16 kes baru H1N1 dilaporkan dan semuanya kes jangkitan tempatan melibatkan warganegara Malaysia.

"Jumlah terkumpul kes H1N1 di negara ini sehingga pagi ini adalah sebanyak 1,492 kes, dengan 574 atau 38 peratus merupakan kes import dan baki 62 peratus adalah merupakan kes jangkitan tempatan.

"Daripada jumlah ini, 1,421 kes telah sembuh sementara bilangan kes yang berada di Unit Rawatan Rapi (ICU) adalah 11 orang manakala 43 kes lagi sedang menerima rawatan antiviral di wad isolasi," katanya. -Bernama

